


Pelbagai program galak pertumbuhan sektor PKS

INFO

Instrumen dasar akan dikategorikan untuk memenuhi keperluan tahap perniagaan yang berbeza

Tahap dalam Kitaran Perniagaan
 Tahap Pembangunan & Pertumbuhan
 Tersenarai/Tahap Matang



ringkat syarikat sebagai pelengkap bagi menilai kebolehpercayaan kredit PKS.

Melalui bantuan kewangan dan perkhidmatan khidmat nasihat serta latihan, sebanyak 16,000 PKS disasar berupaya mengembangkan perniagaan dan menambah baik penarafan bintang di bawah sistem SCORE dalam tempoh rancangan.

Ketika ini ada beberapa isu kawal selia yang dirasakan bencangah oleh PKS yang lazimnya tidak mempunyai sumber kewangan untuk memenuhi keperluan syarat kawal selia secara berkesan kos.

Dalam tempoh rancangan, bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan, kerajaan akan mengecualikan beberapa peraturan perniagaan yang membebankan untuk syarikat yang mempunyai lima pekerja atau kurang sehingga syarikat berkembang

melebihi lima pekerja.

Justeru, beberapa peraturan akan dipermudahkan untuk syarikat ini dalam urusan seperti pendaftaran perniagaan dan keperluan tenaga kerja.

Kerajaan juga akan memperkenalkan beberapa program bagi menanganai keangan ini dalam tempoh RM-Ke-10 termasuk latihan di MNC/Syarikat besar, program latihan kemahiran, pelan latihan industri jangka sederhana dan Memanfaatkan sumber latihan luar negara.

Selain itu, kerajaan akan membantu PKS mendapat latihan dalam bidang yang tidak ditawarkan dalam negara dengan mengambil pakar dan jurulatih asing.

Untuk menambah bilangan perniagaan baru dan menggalakkan budaya keusahawanan di Malaysia, kerajaan akan menambah baik Program Internship

Universiti-PKS.

Di bawah program ini, pelajar universiti yang mempunyai kemahiran tertentu akan ditempatkan di syarikat untuk tempoh dua hingga tiga bulan bagi mendapat pe-

ngalaman bekerja dan pengetahuan terkini mengenai amalan perniagaan.

Kerajaan juga akan mempromosi keusahawanan kepada golongan muda dengan menaja pertandingan pelan

perniagaan di sekolah dan universiti, memperkenalkan kurikulum berkaitan perniagaan dan membiayai kempen umum yang mempamerkan usahawan Malaysia yang berjaya.

PELBAGAI program akan dilaksanakan bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi menggalakkan lagi pertumbuhan sektor itu sejajar peranannya sebagai jentera pertumbuhan dan inovasi.

Program yang akan dilaksanakan itu ialah:

- Modal teroka dan ekuiti persendirian.
- Pembiayaan dan jaminan.
- Pinjaman mudah dan hibrid.
- Skim Jaminan Modal Kerja (WCGS).
- Pusat bantuan kewangan.
- Kaedah pengukuran.

Institusi kewangan akan digalakkan menggunakan pakai SME Competitive Rating for Enhancement (SCORE), iaitu kaedah pengukuran untuk penarafan prestasi PKS di pe-